

UMP hasilkan lemang meriahkan Pesta Lemang Besar-besaran



Pekan, 1 Ogos - Penyertaan staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) seramai 58 orang dalam pertandingan membakar lemang sempena Pesta Lemang Parlimen Pekan di Taman Tasik Sultan Abu Bakar Pekan baru-baru ini mendapat perhatian ramai apabila pasukan turut disertai seramai 18 pelajar antarabangsa.

Program bermula dengan kerja-kerja pembersihan buluh dan daun lereh sebagai persiapan sebelum mengisi pulut dan membakar lemang. Pertandingan membabitkan sebanyak 33 pasukan yang terdiri daripada 20 peserta setiap pasukan melibatkan penyertaan daripada persatuan belia sekitar Pekan, Persatuan Isteri-Isteri Polis Pekan, Pemuda Chini dan Persatuan Belia Tembeling.

Menurut staf Keselamatan, Mohamad Najid Hj. Saat yang mengetuai program berkata, seramai tujuh orang staf Keselamatan membantu dalam menjayakan program selain daripada penglibatan staf Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dan

Pejabat Naib Canselor serta pelajar UMP.

"Setiap pasukan dikehendaki membakar sebanyak 100 lemang untuk dimasak dengan sempurna manakala pihak urusetia menyediakan segala kepeluan memasak termasuk menyediakan bahan dan peralatan," katanya.



Bagi Midhun Harilal, 27 tahun yang berasal dari India kini menuntut dalam bidang kedoktoran Advance Material berkata, penyertaan kami dalam pesta sebegini sedikit sebanyak memberi pendedahan budaya dan pengalaman yang bermakna kepada kami.

Katanya, cara membuat lemang membuatkan kami kagum kerana memerlukan sifat sabar yang tinggi. Midhun bersama-sama rakan antarabangsa dapat berkenalan dan bekerjasama dengan pelajar tempatan yang amat membantu sepanjang penyertaan mereka ketika pesta lemang berlangsung.

Pesta berakhir kira-kira jam 11 malam dengan kemenangan diraih Pejabat Perdana Menteri dengan menghasilkan tiga lemang berbeza iaitu biasa jlemang pulut hitam, dan lemang jagung. Program dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Hari raya Aidil Fitri Parlimen Pekan, Dato' Abu Bakar Harun yang juga merupakan Exco Kerajaan Negeri Pahang. Program Membakar Lemang Besar-besaran Peringkat Negeri Pahang ini diadakan bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Parlimen Pekan.

Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 07-08-2015, 16:48:00